

KUALA LUMPUR, 29 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan rancangan Parti Semangat 46 untuk meletakkan bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman sebagai calon parti itu untuk menentanginya di kawasan Parlimen Kubang Pasu pada pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri berkata, pemimpin parti pembangkang telah memperalatkan Tunku tanpa mengambilkira usia dan kesihatannya, semata-mata untuk mempengaruhi rakyat demi kepentingan diri mereka.

Katanya, akibat tindakan parti pembangkang itu, nama Tunku kini tercemar dan tidak lagi dihormati oleh rakyat.

+Dalam proses itu (kempen), nama Tunku menjadi buruk. Semua orang marah (kepada Tunku). Sepatutnya orang tidak marah. Tetapi saya tidak marah kepada Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Saya hormat dia,+ katanya ketika berucap pada perhimpunan rakyat di Bandar Tun Razak, Cheras dekat sini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pemimpin Parti Semangat 46 telah membawa Tunku ke Wang Tepus di Kubang Pasu untuk berkempen bagi parti Pas sedangkan Tunku sendiri dahulunya tidak pernah bersetuju dengan parti pembangkang itu. -- lagi

AAB

Mahathir - Tunku 2 Kuala Lumpur "

Kata Perdana Menteri, Tunku dibawa untuk berkempen di Kubang Pasu bagi mempengaruhi masyarakat keturunan Thai di kawasan itu kerana Tunku, yang menjadi Penasihat Parti Semangat 46 berketurunan Thai.

+Janganlah kacau Tunku kerana dia sudah tua. Beliau sudah berjasa kepada negara. Biarlah beliau begitu...tidak baik. Ini perbutan orang yang mahu menggunakan seseorang untuk kepentingan diri walaupun Tunku sudah tua dan sakit,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau percaya suatu hari kelak pemimpin Parti Semangat 46 akan mengetepikan Tunku apabila tenaganya tidak diperlukan lagi.

+Orang ini (pemimpin Parti Semangat 46) boleh gunakan sesiapa sahaja untuk kepentingan diri mereka. Hari ini kalau kita berguna kepada dia, dia gunakan kita. Esok (bila) dia tidak boleh pergunakan kita, dia luah buang,+ tambah beliau.

Menurutnya, keadaan yang serupa juga dilakukan oleh golongan tersebut terhadap Umno apabila mereka gagal mendapatkan kedudukan dalam parti pada suatu masa dahulu. -- lagi

AAB

Mahathir - Tunku 3 Kuala Lumpur "

Perdana Menteri juga mempersoalkan pendirian pemimpin Pas dan Dap yang mahu bekerjasama sedangkan masing-masing tidak boleh menerima dasar perjuangan antara satu sama lain.

Beliau bertanya apakah pendirian Presiden Pas Haji Fadzil Noor terhadap dasar +Malaysian Malaysia+ Dap dan apakah pula pendirian pemimpin Dap Encik Lim Kit Siang terhadap hasrat Pas untuk mendirikan sebuah negara Islam.

Menurutnya, imej Dap sudah tercemar manakala perjuangan Pas sudah tidak bermakna lagi kerana mereka bekerjasama mengikut anjuran Presiden Parti Semangat 46 Tengku Razaleigh Hamzah.

Katanya, pemimpin Pas dan Dap sering memutarbelitkan kenyataan mereka mengenai kerjasama mereka apabila masing-masing pergi ke pantai barat dan timur Semenanjung untuk berkempen.

+Bila datang ke pantai barat, (pemimpin Pas) cakap lain. Bila balik ke pantai timur mereka tidak cakap lagi tentang Dap. Pemimpin Dap pula bila datang ke pantai timur, mereka bercakap seperti sudah bersetuju dengan Pas,+ kata beliau. -- lagi

AAB

Mahathir - Tunku 4 Kuala Lumpur "

Ketika berucap sebelum itu, Ketua Wanita MCA Cik Teng Gai Kwan berkata, MCA akan terus membantu masyarakat di ibu kota ini walaupun parti itu tidak mempunyai wakil rakyat di kawasan sekitar Kuala Lumpur.

Yang turut berucap di hadapan ribuan orang di situ ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Sulaiman Mohamed, Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu.

Sebelum berucap di Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Mahathir bersama-sama Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Ali dan para pemimpin Barisan Nasional menaiki bas melawat ke Air Panas di Setapak, projek perumahan Dewan Bandaraya di Gombak, Bandar Menjalara di Kepong dan Taman Kuchai, Sungai Besi. -- Bernama